

# KENYATAAN MEDIA

## PROGRAM LATIHAMAL PELAN TINDAKAN KECEMASAN DI STESEN KWASA SENTRAL

**Kuala Lumpur, 27 Oktober 2016:** Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) bersama dengan pengendali MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang, Rapid Rail Sdn Bhd telah mengadakan Latihan Pelan Tindakan Kecemasan bagi menguji kesiediaan dalam mengawal situasi kecemasan pada hari Rabu, 26 Oktober 2016.

Latihamal Tindakan Kecemasan telah dijalankan sebagai sebahagian daripada persediaan bagi kesiediaan operasi Laluan SBK. Pelan Tindakan Kecemasan dan merupakan keperluan mandatori yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) sebelum mengeluarkan lesen operasi bagi kereta api.

Fasa Pertama antara Stesen Sungai Buloh dan Stesen Semantan dijangka untuk mula beroperasi pada bulan Disember tahun ini.

Selain dari Rapid Rail dan MRT Corp, pelbagai Agensi-Agensi Tindakan Kecemasan, seperti Pasukan Bomba dan Penyelamat, Polis, Kementerian Kesihatan dan lain-lain, juga turut terlibat dalam latihan yang diadakan di Stesen MRT Kwasa Sentral.

Simulasi kecemasan digambarkan seperti berlakunya satu "kegelinciran tren MRT" disebabkan "terlanggar" suatu objek di atas trek yang hanya 200 meter selepas berlepas dari Stesen MRT Kwasa Sentral. Kegelinciran telah mencetuskan penggera-penggera kecemasan di dalam tren dan peralatan-peralatan tren ke Pusat Kawalan Operasi. Staf yang berhampiran di kawasan kejadian diarahkan untuk mengesahkan penggera itu dan menjalankan latihan tindakan kecemasan. Seramai 280 orang penumpang di atas tren terperangkap dan beberapa daripada mereka telah tercedera manakala seorang daripada penumpang telah mengaktifkan Pusat Kawalan Operasi dengan mengaktifkan butang panggilan kecemasan dari penumpang yang terdapat di dalam tren.

Kedua-dua belah kuasa daya tenaga trek telah dinyahtenagakan bagi memberi laluan kepada proses menyelamatkan mangsa-mangsa kegelinciran. Staf pertama yang tiba di lokasi melakukan aksi memadam kebakaran bagi melenyapkan api dari kebakaran itu sebelum memanggil lebih bantuan daripada staf yang lain.

Staf sokongan telah memeriksa keadaan di dalam tren dan telah mengenal pasti 19 mangsa dengan pelbagai tahap kecederaan. Sebelum ketibaan Pasukan Bomba dan Penyelamat, "Pemindahan Terselia" telah dilakukan hanya 10 minit selepas tren terkandas. Penumpang yang masih boleh berjalan dipimpin keluar dengan berhati-hati menuju ke Stesen Kwasa Sentral menerusi laluan kecemasan pejalan kaki. Mangsa-mangsa yang mengalami kecederaan parah berada dalam keadaan tenang semasa menunggu ketibaan Agensi-Agensi Tindakan Kecemasan untuk menyelamatkan mereka.

Pasukan Bomba dan Penyelamat telah diberi taklimat mengenai kejadian kecemasan dan langkah keselamatan oleh 'Silver Incident Officer' MRT Laluan SBK sebelum meneruskan kejadian kecemasan tren. Pada masa yang sama, Pasukan Polis telah mengatur Pos Kawalan Tindakan Kecemasan mereka di aras jalan dan mengepung kawasan untuk mengelakkan orang yang berada di tempat kejadian daripada mengganggu latihan. Pasukan perubatan Kementerian Kesihatan juga telah menubuhkan 'triage' di ruang legar stesen dan di aras jalan.

Dengan simulasi, kedua-dua Agensi-Agensi Tindakan Kecemasan dan Rapid Rail telah dapat mengesahkan Pelan dan Proses Tindakan Kecemasan masing-masing yang telah mereka sediakan sekiranya berlaku sebarang bencana, dan memperbaiki kelemahan yang dihadapi sepanjang latihan.

Ketua Operasi Rapid Rail MRT Laluan SBK Tuan Haji Azmi bin Mohd Zain berkata latihan yang diadakan pada hari ini telah berjalan mengikut pelan, dengan kerjasama semua pihak-pihak yang terlibat menjalankan peranan mereka dengan sangat baik.

"Pelbagai agensi-agensi telah merancang latihan dengan teliti setelah beberapa lawatan pengenalan ke stesen dan depoh dilakukan semasa peringkat perancangan. Hal ini memberi impak kepada latihan yang diadakan pada hari ini berjalan dengan begitu lancar," jelasnya.

Fasa Pertama Laluan SBK antara Stesen Sungai Buloh dan Stesen Semantan dijangka mula beroperasi pada bulan Disember tahun ini sementara keseluruhan laluan dari



Stesen Semantan ke Stesen Kajang akan beroperasi di bawah Fasa Kedua pada bulan Julai tahun 2017.

**TAMAT**

***Bagi sebarang pertanyaan media, sila hubungi:***

***Encik Leong Shen-Li***  
*MRT Corp*

***012-3196602 / [leong.shen-li@mymrt.com.my](mailto:leong.shen-li@mymrt.com.my)***

***Cik Amalina Ghazali***  
*MRT Corp*

***016-2154055 / [amalina.ghazali@mymrt.com.my](mailto:amalina.ghazali@mymrt.com.my)***